

Hasmah gesa jasa perajurit dikenang

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Rakyat Malaysia diseru menginsafi pengorbanan yang dicurahkan oleh perajurit-perajurit untuk mempertahankan negara dan menderma kepada Derma Rayuan Hari Pahlawan.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali berkata, ramal perajurit telah gugur, meninggalkan isteri serta anak-anak dan ada yang

menanggung kecacatan demi menjaga keselamatan negara.

Hasil dari sumbangan mereka, katanya, kita telah dapat hidup dalam keadaan aman dan sejahtera, manakala negara kita semakin pesat membangun.

"Pengorbanan mereka itu tidak dapat dinilai dengan wang ringgit, ia hanya tinggal dan kekal sebagai satu simbol keagungan perjuangan anak watan," ujar beliau.

Bagi menghargai jasa-jasa yang mereka taburkan itu serta me-

ringankan penderitaan yang ditanggung oleh mereka serta anak-anak mereka, seluruh rakyat patutlah mengulurkan sumbangan kepada Derma Rayuan Hari Pahlawan, seru beliau.

Menurut Datin Seri Siti Hasmah, rakyat Malaysia patut bersamasama berganding bahu dan bertumba-tumba untuk berbakti kepada bekas para perajurit yang memerlukan bantuan itu.

Bellau selaku penanggu Derma Rayuan Hari Pahlawan membuat seruan tersebut sewaktu berucap melancarkan Derma Rayuan itu melalui Radio dan Televisyen Malaysia malam ini.

Katanya, sekalipun kecil sumbangan yang diberikan, ia tetap memberi erti besar kepada pahlawan-pahlawan negara.

Datin Seri Dr. Siti Hasmah seterusnya berasa bangga terhadap usaha yang dilakukan oleh bekas-bekas perajurit untuk melindungi kepentingan dan kebajikan mereka melalui Persatuan Bekas Perajurit.

"Mereka dengan tabah berusaha mendapatkan berbagai kemudahan agar lebih ramal lagi bekas-bekas perajurit diberi perhatian dan diambil semula bertugas dengan Jabatan-jabatan Kerajaan serta sektor swasta," katanya.

Dalam bidang kebajikan pula kata beliau, persatuan itu mempunyai skim bantuan

yang tersusun rapi.

Ramal bekas-bekas perajurit serta balu-balau dan anak-anak mereka mendapat faedah dari bantuan yang dikeluarkan oleh persatuan tersebut.

Kata beliau, sepanjang tahun 1981 sahaja, sebanyak \$330,000 dibelanjakan oleh persatuan itu untuk skim bantuan kebajikannya.

Bantuan yang dikeluarkan, kata beliau, meningkat setiap tahun.

Sepanjang kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan itu dilancarkan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia serta bahagian-bahagian negerinya akan menjalankan berbagai aktiviti untuk memungut derma termasuk mengedar surat-surat rayuan kepada orang-orang kenamaan, gedung-gedung perniagaan, menjual pekekat kereta dan lain-lain bahan cenderamata.



● DATIN SERI DR. SITI HASMAH